

# Lawatan ke Russia tak jejaskan persahabatan dengan AS, China

BERITA HARIAN 18 MAY 2025 m/j: 2

PM tegaskan Malaysia tidak pernah berpihak mana-mana blok kuasa dunia

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan lawatan rasmi beliau ke Russia tidak bererti Malaysia berpihak kepada mana-mana blok kuasa.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, hubungan dengan Russia tidak menjejaskan persahabatan Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS), China atau mana-mana rakan dagang lain.

Beliau berkata, Malaysia berhak menentukan hala tuju secara bebas dan berprinsip demi kepentingan rakyat negara ini.

“Alhamdulillah, delegasi Malaysia membawa pulang pengalaman yang amat berharga dari Russia, sama ada dalam memperkukuh hubungan dua hala dan merintis kerjasama baharu mahupun penghayatan sejarah, kekayaan budaya serta semangat ketahanan rakyatnya.

“Penghargaan tertinggi atas layanan luar biasa dan persahabatan dihulurkan,” katanya me-



Anwar bersama (dari kiri), Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Li Kang pada sidang media selepas sesi pleno Forum Ekonomi Antarabangsa Russia-Dunia Islam Ke-16 (KazanForum 2025) di Kazan, Russia. (Foto BERNAMA)

lalui kenyataan di Facebook, semalam.

Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi ke Russia dari Selasa hingga kelmarin dan mengadakan pertemuan peringkat tertinggi bersama Presiden Vladimir Putin dan Perdana Menteri Mikhail Mishustin.

Perbincangan mereka merangkumi pelbagai aspek kerjasama dua hala, termasuk perdagangan, pelaburan, tenaga, pendidikan, teknologi aeroangkasa dan agrikomoditi.

Perdana Menteri berkata, pertemuan bersama Putin membuka potensi perdagangan, pelaburan dan pelancongan, selain menyimpulkan penyambungan semula

penerbangan terus Aeroflot ke Malaysia.

Beliau berkata, Putin turut menyatakan dukungan terhadap kerjasama dalam industri halal dan kewangan Islam.

“Saya menghargai hubungan persahabatan yang terjalin dengan Presiden Putin,” katanya.

Anwar berkata, dalam pertemuan dengan Putin, beliau juga membangkitkan isu MH17 dan Malaysia berpegang pada prinsip bahawa kebenaran mesti ditegakkan demi keadilan.

## Bincang kerjasama pertanian

Sementara itu, beliau berkata, dalam pertemuan bersama Mishustin, kedua-dua pihak berbincang

kerjasama dalam bidang pertanian, termasuk koko dan minyak sawit serta usaha menyelesaikan isu yang membantutkan usaha dagangan dua hala.

Katanya, sesi meja bulat bersama 24 syarikat utama Russia membuka potensi kerjasama dalam pelbagai sektor daripada produk berasaskan sawit, industri kimia dan perabot, sehinggalah teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI).

“Minat yang ditunjukkan (syarikat utama Russia) amat membara-berangsangkan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, di Kazan, beliau menyampaikan ucap-tama pada Mesyuarat Kumpulan Visi Strategik ‘Russia-Is-

lamic World’ dan KazanForum, selain turut bertemu Mufti Russia, Presiden Turkmenistan dan tokoh utama dunia Islam.

“Saya tegaskan dunia Islam harus bangkit sebagai kuasa yang membina keamanan, keadilan dan harapan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pada sidang media bersama media Malaysia di akhir lawatan rasmi ke Russia, beliau menegaskan kejayaan bermakna yang dicapai dalam memperkukuh persahabatan Malaysia-Russia, meneroka ruang kerjasama strategik baharu dan memperluas peranan Malaysia sebagai jambatan antara dunia Islam dan kuasa besar global.